

24/10/1997

Umno Jasin kirim telegram sokong PM

JASIN, Khamis - Umno bahagian Jasin menghantar fonogram (telefon telegram) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyatakan sokongan mereka kepada pemimpin itu dalam menangani isu kejatuhan ringgit dan pasaran saham negara.

Fonogram serupa juga turut dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menyokong mereka menghadapi krisis kejatuhan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Ketua Umno bahagian Jasin, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, yang juga Ketua Menteri Melaka, berkata Umno bahagian Jasin yang bersidang pada 20 Oktober mengambil keputusan untuk berdiri teguh di belakang pentadbiran Perdana Menteri serta timbalannya untuk menangani isu terbabit.

(END)